

PROJEK PANTAU

Laporan Akhir Prestasi Kerajaan Pakatan Harapan

Faiz Zaidi
Jasmine Redzuan

Faiz Zaidi merupakan Penyelidik Unit Demokrasi dan Pemerintahan di IDEAS. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Kajian Politik dan Pemerintahan dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Sarjana Sains Sosial (Strategi dan Diplomasi) dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Sebelum ini beliau juga merupakan seorang Felo Perdana, sebuah program di bawah Kementerian Belia dan Sukan, dia mana beliau ditugaskan kepada Menteri Industri Utama.

Jasmine Redzuan merupakan Pembantu Penyelidik, Unit Demokrasi dan Tadbir Urus di IDEAS. Beliau telah memperoleh Diploma Sekolah Menengah Ontario dari Sunway College, dan akan menyambung Ijazah Sarjana Muda di Universiti Nottingham, Kampus Malaysia dalam bidang Hubungan Antarabangsa dengan Bahasa Perancis. Beliau mempunyai aspirasi untuk terus menyokong kerajaan yang bersikap telus dan menegakkan prinsip kedaulatan undang-undang.

Pengenalan kepada Projek

Projek Pantau adalah projek yang bertujuan untuk memantau prestasi kerajaan Pakatan Harapan (PH) berdasarkan janji-janji manifesto yang terkandung dalam Buku Harapan. Tujuan utama projek ini adalah untuk menghasilkan satu bentuk laporan penilaian yang menyeluruh terhadap kerajaan PH melalui beberapa kad laporan yang telah pun dilancarkan pada bulan April, Jun dan Disember 2019. Dalam siri kad laporan yang diterbitkan tahun lepas, satu mekanisma yang dinamakan “*IDEAS Manifesto Scorecard Methodology*” telah digunakan sebagai satu bentuk penilaian terhadap tahap kemajuan untuk setiap sub-janji dari janji-janji utama yang terkandung dalam Buku Harapan. Kesemua sub-janji tersebut dibahagikan kepada tiga kategori penilaian, iaitu Komitmen Politik; Hala tuju Dasar dan Pelaksanaan Dasar. Status akhir setiap sub-janji akan ditentukan berdasarkan kategori penilaian tersebut.



Skop Laporan

Projek Pantau ini pada perancangan asalnya adalah untuk tempoh lima (5) tahun pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan, namun disebabkan oleh perubahan tampuk pemerintahan, kami telah mengubah cara pendekatan dalam projek ini. Oleh disebabkan tiada perkembangan besar sejak Kad Laporan Ketiga kami pada Disember yang lalu dan juga perubahan kerajaan pada Februari 2020, Kad Laporan Akhir ini akan melihat kembali tempoh sepanjang dua tahun pemerintahan kerajaan PH dan kami akan menekankan kepada janji-janji penting termasuk yang telah dicapai, masih dalam proses dan janji yang telah gagal dilaksanakan. Tujuan Kad Laporan Akhir ini juga adalah untuk memberi penekanan kepada isu-isu berkaitan kerajaan yang sekarang di mana mereka perlu memberi fokus kepada usaha yang lebih bagi memastikan reformasi institusi-institusi di Malaysia dapat diteruskan.

Apakah sebenarnya Laporan Akhir ini?

Untuk Laporan Akhir ini, kami telah memberi fokus kepada 34 janji-janji yang perlu diberi keutamaan. Laporan ini juga tidak bertujuan untuk memberikan penilaian penuh yang komprehensif terhadap komitmen-komitmen dasar kerajaan PH, namun bertujuan untuk menekankan kepada isu-isu yang paling penting. Pertama, setiap janji telah dikenal pasti berdasarkan prestasi kerajaan PH:

- **Janji telah dilaksanakan:** menandakan bahawa janji tersebut telah dilaksanakan dengan baik sepanjang PH memerintah, namun kami juga mengambil kira sekiranya sesebuah janji tersebut telah sedikit sebanyak terjejas dalam pelaksanaannya.
- **Kerja dalam proses:** menandakan bahawa usaha-usaha telah dilakukan untuk memenuhi janji tersebut, di mana kami melihat usaha tersebut sebagai satu usaha yang baik untuk melaksanakan dasar-dasar yang berkaitan.

- **Janji tidak dilaksanakan:** menandakan bahawa janji tersebut telah diabaikan oleh kerajaan PH atau berjalan dengan sangat perlahan dan prospek yang tidak realistik dalam pelaksanaannya.

Kedua, setiap janji akan diberikan cadangan tentang apa yang boleh dilakukan oleh kerajaan Perikatan Nasional (PN):

- **Perlu diteruskan:** menandakan bahawa kami menyeru kerajaan PN untuk memberikan komitmen terhadap janji tersebut dan meneruskan pelaksanaannya.
- **Kaji semula:** menandakan bahawa kami melihat kerajaan PN telah menggunakan pendekatan yang salah atau tidak sesuai dalam isu-isu tersebut, dan kami mencadangkan bahawa kerajaan PN untuk mempertimbangkan dasar yang lebih baik.

Laporan ini adalah tidak secara mendalam dan mengandungi penilaian subjektif bagi setiap isu-isu yang dinyatakan. Ianya adalah bertujuan untuk menyediakan asas perbincangan supaya setiap inisiatif dan objektif yang terkandung di dalam Buku Harapan dapat diteruskan melalui komitmen-komitmen dasar kerajaan Perikatan Nasional. Walaupun kerajaan sedang memberikan fokus yang lebih dalam menghadapi krisis wabak COVID-19 ini, kami berpendapat bahawa kerajaan yang baharu ini juga perlu memberikan penjelasan tentang hala tuju isu-isu yang terkandung di dalam Laporan ini.

Penilaian Janji-janji

Penekanan yang perlu diberikan dalam menilai prestasi kerajaan PH ialah perancangan asal janji-janji yang termaktub dalam manifesto kerajaan PH hanya akan dipenuhi dalam tempoh satu penggal iaitu lima (5) tahun. Oleh itu, analisa yang dilakukan telah pun mengambil kira bahawa kerajaan PH telah tumbang separuh jalan apabila pada 24 Februari 2020, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir meletakkan jawatan. Krisis ini telah menyebabkan pengaturanan semula politik yang diikuti oleh peralihan kuasa pentadbiran oleh Perikatan Nasional (PN). Dalam tempoh 21 bulan memerintah, hanya sedikit kemajuan besar yang dapat dilaksanakan PH seiring dengan janji-janji yang terkandung dalam Buku Harapan. Walaupun kerajaan PH telah menghasilkan strategi komprehensif bagi mencapai sasaran-sasaran yang telah dirancang, ia tidak mungkin dicapai di dalam masa singkat pentadbiran mereka. Akhir sekali, ia juga jelas bahawa kerajaan PH masih kurang *'political will'* dalam pelaksanaan reformasi yang telah dijanjikan dalam sesetengah isu.

1. Menghapuskan GST dan menggantikan dengan SST

<p>Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah dihapuskan pada 1 Jun 2018 dan digantikan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018.</p>	<p>PH: Janji telah dilaksanakan</p>
<p>Disebabkan oleh kedudukan fiskal kerajaan yang semakin membimbangkan dan juga tekanan oleh situasi wabak COVID-19 yang semakin berterusan di samping ketidakstabilan harga minyak dunia. Kerajaan PN disyorkan untuk mempertimbangkan semula pengenalan semula GST dalam jangka masa sederhana.</p>	<p>PN: Kaji semula</p>

2. Menghapuskan monopoli oleh syarikat besar di dalam pasaran

Tiada strategi yang komprehensif telah dilakukan untuk mencapai janji ini dan kerajaan PH tidak melakukan tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah monopoli.

PH:
Janji tidak dilaksanakan

Kerajaan PN disyorkan untuk mengguna pakai janji tersebut dan meneruskan usaha-usaha untuk mengatasi masalah monopoli, sebagai contoh keputusan terhadap BERNAS boleh menjadi titik permulaan.

PN:
Perlu diteruskan

3. Pakej internet jalur lebar pada separuh harga

Kerajaan PH telah menjanjikan “dua kali ganda kelajuan pada separuh harga” bagi perkhidmatan internet jalur lebar. Pada hujung tahun 2018, harga perkhidmatan internet jalur lebar sudah turun sebanyak 49% secara purata. Walaubagaimanapun, kerajaan PH tidak mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan harga pakej internet dan kelajuan ditambah baik secara mampan.

PH:
Kerja dalam proses

Kerajaan PN perlu mempertimbangkan tentang bagaimana cara untuk meningkatkan persaingan di dalam pasaran perkhidmatan jalur lebar dan membolehkan pengguna mendapat pakej-pakej yang lebih baik. Hal ini termasuk langkah-langkah bagi meningkatkan keberkesanan peraturan di dalam sektor ini dan menggalakkan kemasukan pemain-pemain industri yang baru.

PN:
Kaji semula

¹: <https://www.nst.com.my/opinion/letters/2020/04/584165/distant-learning-new-normal-education>

4. Bantuan Sara Hidup (BSH)

Kerajaan PH telah memperkenalkan skim BSH sebagai pengganti kepada skim Bantuan Rakyat Malaysia (BRIM) untuk menyediakan suatu bentuk program kebajikan yang lebih bersasar. Walaubagaimanapun, ia masih belum boleh dikira sebagai “jaringan keselamatan sosial yang universal”.

PH:
Kerja dalam proses

Skim BSH ini boleh terus diperkukuhkan untuk memberikan satu jaringan keselamatan yang sebenar. Skim ini juga perlu diperkuatkan lagi dengan asas yang bebas bagi mengurangkan risiko di salah guna bagi tujuan politik seperti yang dijanjikan dalam Buku Harapan.

PN:
Perlu diteruskan

5. Pembayaran royalti terhadap negeri-negeri pengeluar minyak

Kerajaan PH telah mengembalikan sebahagian daripada royalti minyak kepada Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak tetapi PH tidak berjaya untuk meningkatkan pembayaran royalti kepada sekurang-kurangnya 20% atau jumlah yang sama nilai.

PH:
 Kerja dalam proses

Dasar bagi isu ini perlu dikaji semula. Ianya amat penting untuk mengukuhkan hubungan di antara kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri, di mana akan terdapat keperluan untuk mengubah semula peruntukkan pendapatan fiskal. Namun, kebergantungan terhadap hasil minyak juga akan memberikan kesan yang buruk dalam jangka masa panjang bagi sesetengah negeri.

PN:
 Kaji semula

6. Perdana Menteri tidak memegang jawatan kabinet lain

Tun Dr Mahathir Mohamad tidak memegang jawatan kabinet lain. Walaubagaimanapun, beliau telah dilantik memegang jawatan secara sementara apabila Menteri Pendidikan pada waktu itu, Dr Maszlee Malik, telah meletakkan jawatan pada 3 Januari 2020. Hal ini tidak melanggar manifesto PH kerana jawatan tersebut hanya dipegang untuk sementara waktu.

PH:
 Janji telah dilaksanakan

Perdana Menteri kerajaan terkini, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut tidak memegang jawatan kabinet lain. Kerajaan PN perlu meneruskan dasar ini agar tidak berlaku konflik berkepentingan apabila Perdana Menteri memegang lebih dari satu jawatan.

PN:
 Perlu diteruskan

7. Mengurangkan peruntukan perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri daripada RM17 bilion kepada hanya RM8 bilion

Pada tahun 2018, PH berjaya mengurangkan lebih dari separuh perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri kepada RM7.54 bilion (sebelumnya RM17.43 bilion). Dalam Belanjawan 2019, peruntukan belanjawan Jabatan Perdana Menteri untuk perbelanjaan operasi ialah sebanyak RM3.69 bilion dan RM3.7 bilion untuk perbelanjaan pembangunan².

PH:
 Janji telah dilaksanakan

Kerajaan baharu hanya boleh meningkatkan jumlah belanjawan jika perlu memandangkan PH telah berjaya mengurangkan jumlah belanjawan Jabatan Perdana Menteri. Rentetan pengurangan perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri, kerajaan perlu meluaskan perbelanjaan terhadap keutamaan lain.

PN:
 Perlu diteruskan

² https://www1.treasury.gov.my/pdf/bajet/maklumat_bajet_kerajaan/2019/perbelanjaan/B.6_P.6.pdf

8. Pembaharuan SPRM dan pengukuhan usaha anti-rasuah

PH tidak berjaya melakukan pembaharuan yang ketara kepada SPRM tetapi telah mengambil beberapa langkah ke arah itu, seperti pelancaran Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023. Latheefa Koya telah dilantik sebagai Ketua Pesuruhjaya SPRM yang baharu tetapi pelantikan itu tidak disahkan secara demokratik oleh Parlimen disebabkan perlantikan yang telah dibuat secara oleh Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir secara bersendirian ketika itu.

PH:
Kerja dalam proses

Pelantikan terkini Datuk Seri Azam Baki sebagai Ketua Pesuruhjaya merupakan sesuatu yang memberangsangkan kerana beliau mempunyai pengalaman selama hampir 40 tahun dalam bidang ini. Pelantikan harus bebas dan tidak dipengaruhi sesiapa yang lebih berkuasa dan berautoriti. Kerajaan PN harus terus menyokong NACP 2019-2023 kerana ia merupakan satu inisiatif yang bagus oleh kerajaan terdahulu menuju ke arah negara berintegriti dan bebas rasuah.

PN:
Perlu diteruskan

9. Menurunkan umur mengundi dan pendaftaran automatik kepada yang layak

Rang undang-undang pindaan perlembagaan telah diluluskan untuk menurunkan umur mengundi daripada 21 tahun ke 18 tahun dan pendaftaran sebagai pengundi secara automatik apabila umur mencecah 18 tahun. Kelulusan rang undang-undang ini membenarkan penambahan 7.8 juta individu, iaitu golongan belia sebagai pengundi yang layak mengundi pada pilihan raya umum seterusnya yang perlu diadakan tidak lewat dari tahun 2023.

PH:
Janji telah dilaksanakan

Penurunan umur mengundi ialah satu langkah yang besar kepada Malaysia dan PN tiada alasan untuk membatalkan rang undang-undang yang telah diluluskan secara demokratik oleh Parlimen (sebahagian besar Ahli Parlimen pembangkang, kini dalam kerajaan, telah menyokong rang undang-undang ini). Pendaftaran automatik pula, mereka perlu memastikan semua rakyat yang layak mengundi tidak menghadapi sebarang masalah apabila tiba masa untuk mengundi.

PN:
Perlu diteruskan

³ <https://www.nst.com.my/news/government-public-policy/2019/07/507372/dewan-negara-passes-amendment-bill-lower-voting-age-18>

10. Rumah mampu milik

Dasar Perumahan Negara 2018-2025 dilaksanakan untuk meningkatkan jumlah rumah mampu milik di seluruh negara. Walau bagaimana pun, dalam Dasar Perumahan Negara, kerajaan PH tidak menyebut tentang pelan untuk membina 1 juta rumah mampu milik baharu dalam masa 2 penggal pemerintahan.

PH:
Janji tidak dilaksanakan

Kami percaya kerajaan baharu perlu mengkaji semula berkenaan perumahan di Malaysia dan mengurangkan peranan agensi kerajaan serta memperluas fokus kepada penyewaan supaya semua rakyat mempunyai tempat berteduh berbanding menjanjikan jutaan rumah baharu.

PN:
Kaji semula

11. Pembayaran semula pinjaman PTPTN

<p>Kerajaan PH telah melakukan reformasi-reformasi penting terhadap sistem PTPTN. Walaupun usaha-usaha yang dilakukan masih kurang menepati janji asal, namun ia telah menghasilkan satu sistem yang lebih berkesan.</p>	<p>PH: Janji telah dilaksanakan</p>
<p>Kerajaan PN perlu mempertimbangkan tentang bagaimana cara untuk meningkatkan keberkesanan dan kemampanan sistem PTPTN.</p>	<p>PN: Kaji semula</p>

12. Subsidi minyak petrol

<p>Kerajaan PH telah memperkenalkan subsidi petrol kepada kereta dengan kapasiti enjin 1500cc dan ke bawah, dan motosikal dengan kapasiti enjin 150cc dan ke bawah.</p>	<p>PH: Janji telah dilaksanakan</p>
<p>Subsidi petrol ini boleh dianggap hanya sebagai penyelesaian jangka pendek kepada isu kos pengangkutan. Kerajaan PN memerlukan satu strategi yang lebih meluas untuk menambahbaik sistem pengangkutan awam di Malaysia.</p>	<p>PN: Kaji semula</p>

13. Penghapusan tol-tol

<p>Janji ini telah separa dilaksanakan apabila beberapa tol telah digantikan dengan caj kesesakan baharu. Bermula 1 Februari 2020, berlaku pengurangan 18% kadar tol di lebuh raya PLUS untuk kenderaan penumpang.</p>	<p>PH: Kerja dalam proses</p>
<p>Kerajaan PN perlu meneliti semula dasar ini bagi memastikan keseimbangan di antara mengurangkan kos sara hidup dan dalam masa yang sama memastikan kemampanan untuk membiayai jaringan lebuh raya di Malaysia.</p>	<p>PN: Kaji semula</p>

⁴ <https://www.theedgemarkets.com/article/government-weighs-possibility-buying-plus>

14. Menambah baik pengangkutan awam

Pas bulanan pengangkutan awam bernilai RM50 dan RM100 telah diperkenal di Lembah Kelang oleh kerajaan PH dan dana pinjaman baharu juga diperuntukkan di bawah Dana Pinjaman Pengangkutan Awam untuk pengusaha bas dan teksi.

PH:
Kerja dalam proses

Langkah-langkah ini tidak akan mengubah keseimbangan antara pengangkutan awam dan kenderaan persendirian dengan ketara, terutamanya kerana kerajaan memberi subsidi bahan api lantas menggalakkan penggunaan kenderaan persendirian. Kerajaan PN perlu menyediakan satu strategi yang komprehensif untuk menyokong kesalinghubungan perbatuan akhir di kawasan bandar dan luar bandar supaya dapat memastikan lebih ramai orang mempunyai akses kepada pengangkutan awam.

PN:
Perlu diteruskan

15. Melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 (PM63)

Kerajaan PH telah menubuhkan jawatankuasa kabinet pada bulan Oktober 2018. Jawatankuasa ini telah mengadakan pertemuan sepanjang tahun 2019 dan telah berjaya menyelesaikan sebanyak 17 daripada 21 isu tetapi laporan akhir masih belum dikeluarkan. Disebabkan gabungan parti yang berbeza di Sabah dan Sarawak, perkara ini agak sukar untuk dicapai.

PH:
Kerja dalam proses

Pelaksanaan PM63 di Sarawak adalah lebih mudah kerana Gabungan Parti Sarawak (GPS) kini merupakan ahli gabungan kerajaan PN manakala mencabar di Sabah disebabkan Parti Warisan Sabah (WARISAN) telah memberi komitmen untuk melaksanakan PM63 sewaktu pemerintahan PH.

PN:
Perlu diteruskan

16. Menyelesaikan skandal-skandal mega: IMDB, FELDA, MARA, Tabung Haji

Satu penyiasatan yang terperinci telah dilakukan oleh SPRM untuk mengenalpasti individu yang bertanggungjawab dalam kes-kes tersebut. Kerajaan PH telah memberi komitmen untuk menyempurnakan segala siasatan.

PH:
Kerja dalam proses

Penyiasatan dan pendakwaan kes-kes itu perlu diteruskan tanpa mengira gabungan parti yang telah ditubuhkan antara BERSATU, UMNO, PAS dan GPS.

PN:
Perlu diteruskan

17. Mewujudkan satu mekanisme pembiayaan politik yang berintegriti

Kerajaan PH telah menyatakan komitmen untuk membentangkan rang undang-undang pembiayaan politik semasa Parlimen bersidang yang sepatutnya berlangsung pada bulan Mac tahun ini. Rang undang-undang ini akan fokus pada aspek kawal selia sumbangan politik dan ia merupakan perkara asas dalam mengelakkan rasuah.

PH:
Kerja dalam proses

Kerajaan PN perlu terus menyokong rang undang-undang ini yang dijadual untuk dibentangkan pada bulan Mei 2020 kerana ia akan menunjukkan kerajaan ini komited sepenuhnya pada prinsip-prinsip integriti dan ketelusan.

PN:
Perlu diteruskan

18. Menghadkan tempoh Perdana Menteri dan Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja

Rang Undang-Undang Pindaan Perlembagaan 2019 yang menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri (PM) kepada maksimum dua penggal telah dibentangkan untuk bacaan pertama semasa mesyuarat ke-3 pada tahun yang lalu. Ia akan diperdebatkan pada sesi Parlimen berikutnya, yang diharapkan akan dimulai pada bulan Mac 2020, tetapi disebabkan oleh perubahan dalam kerajaan, PM baharu telah menangguhkan Parlimen untuk bersidang kembali pada Mei 2020.

PH:
Kerja dalam proses

Usul menghadkan tempoh jawatan Perdana Menteri, Ketua Menteri dan Menteri Besar kepada dua penggal sahaja adalah perubahan sistem politik yang baik untuk mengelakkan kuasa berlebihan dan meningkatkan integriti. Ini juga akan menghindari penguasaan daripada hanya satu parti politik yang PM nya wakili pada jangka waktu tertentu. Ini juga akan menghindari penguasaan hanya satu parti politik yang di wakili oleh PM dalam jangka masa tertentu.

PN:
Perlu diteruskan

⁵ <https://themalaysianreserve.com/2019/12/04/govt-moves-to-limit-pms-tenure-to-2-terms/>

19. Mengembalikan kedaulatan Parlimen

Kerajaan PH mengambil beberapa langkah untuk menguatkan Parlimen. Tan Sri Mohamad Ariff Yusoff dilantik sebagai Tuan Yang Di-Pertua Dewan Rakyat sehari setelah beliau meletak jawatan sebagai ketua disiplin dan ahli jawatankuasa penasihat pakar Parti Amanah Negara. PH juga telah menubuhkan beberapa Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen.

PH:
Kerja dalam proses

Memperkukuhkan peranan Parlimen adalah amat penting untuk perkembangan demokrasi Malaysia dalam jangka masa panjang. Kerajaan PN perlu meneruskan reformasi-reformasi yang telah dimulakan oleh PH, termasuk juga memperkukuhkan peranan Jawatankuasa Pilihan Khas, meningkatkan bayaran gaji ahli parlimen dan memperkukuhkan keupayaan Perkhidmatan Penyelidikan Parlimen.

PN:
Perlu diteruskan

20. Meningkatkan kebebasan Polis

Kerajaan PH telah memulakan usaha untuk meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) yang pertama kali dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk Pertimbangan Rang Undang-Undang. RUU ini bertujuan untuk menggantikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).

PH:
Kerja dalam proses

De-facto Menteri Undang-undang dan Hal Ehwal Parlimen, Datuk Takiyuddin Hassan telah membuat kenyataan yang mengatakan bahawa Menteri Kabinet yang baharu telah memutuskan bahawa RUU IPCMC akan dikaji semula oleh kerajaan PN. Kerajaan PN perlu meneruskan reformasi yang penting ini dan memastikan rang undang-undang tersebut diluluskan.

PN:
Perlu diteruskan

21. Akta Kebebasan Maklumat

Kerajaan PH telah membuat komitmen untuk mengganti Akta Rahsia Rasmi 1972 dengan Akta Kebebasan Maklumat. RUU itu dijangkakan akan dibentangkan di Parlimen pada pertengahan tahun 2020.

PH:
Kerja dalam proses

Walaupun ini adalah sesuatu yang baru untuk Malaysia, kesanggupan untuk menegakkan dan memajukan hak maklumat setiap individu harus diteruskan. Ini akan membolehkan penyertaan daripada rakyat melalui perbincangan dan perbincangan yang akan memanfaatkan proses membuat keputusan dalam isu-isu tertentu. Hal ini juga sejajar dengan NACP 2019-2023, yang bertujuan untuk menangani sepenuhnya isu-isu tadbir urus, integriti dan anti-rasuah di Malaysia⁶.

PN:
Perlu diteruskan

⁶ <http://www.dailyexpress.com.my/news/143991/freedom-of-information-act-soon/>

22. Sumbangan KWSP untuk suri rumah

Kerajaan PH telah memperkenalkan skim sumbangan KWSP untuk golongan isteri di bawah sebuah insentif khas iaitu i-Suri. Program ini membolehkan suri rumah mendapat akses kepada jaminan sosial yang berkualiti dan keselamatan pendapatan yang lebih baik.

PH:
Janji telah dilaksanakan

Kerajaan PN harus meneruskan usaha menunaikan janji ini. Walau bagaimanapun, penilaian semula terhadap jaminan sosial dan keselamatan pendapatan untuk suri rumah harus dijalankan.

PN:
Perlu diteruskan

⁷ <https://www.theedgemarkets.com/article/new-epf-scheme-housewives-aug-15>

⁸ <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/08/401767/592-housewives-sign-i-suri-first-day>

23. Gaji minimum

Kerajaan PH telah berjaya menaikkan kadar gaji minimum kepada RM1,200 di bandar-bandar utama sementara kadar RM1,100 tetap sama untuk seluruh negara. Namun, mereka gagal berkongsi kos kenaikan tersebut dengan pihak majikan.

Sebahagiannya adalah untuk mengurangkan persaingan untuk gaji, kerajaan telah menetapkan sasaran yang sangat bercita-cita tinggi untuk mengurangkan kadar jumlah pekerja asing, tetapi hingga kini hanya sedikit inisiatif dilakukan untuk mencapai pengurangan ini.

Kerajaan PN harus tetap komited untuk meningkatkan gaji minimum secara beransur-ansur kepada sekurang-kurangnya RM1,500 tetapi harus mempertimbangkan semula pilihan-pilihan untuk mengurangkan kesan kepada majikan.

PH:
Kerja dalam proses

PN:
Perlu diteruskan

24. Menambahbaik sistem kesihatan untuk semua

Kerajaan PH telah memperkenalkan dua skim penjagaan kesihatan yang penting:

Pertama, Skim Perlindungan Kesihatan (PeKa), program pemeriksaan kesihatan di seluruh negara untuk kumpulan B40 (bagi mereka yang berumur 40 tahun ke atas) dan kedua iaitu MySalam, skim insuran kesihatan yang ditawarkan kepada golongan B40 yang berumur antara 18 hingga 55 tahun (dalam Bajet 2020, had umur dinaikkan kepada 65 tahun⁹) dan pasangan mereka untuk perlindungan sejumlah RM8,000 yang meliputi 45 penyakit kritikal dan juga tambahan bayaran hospital sehingga RM700 setiap tahun. Walaubagaimanapun, untuk memperluas dan menambah baik sistem kesihatan akan tetap menjadi cabaran utama - kerajaan sebelum ini masih jauh untuk mencapai perbelanjaan kesihatan sebanyak 4% dari KDNK.

Kerajaan baharu harus mengekalkan dan memperluaskan inisiatif baru yang diperkenalkan oleh PH. Walaubagaimanapun, kerajaan PN juga perlu mengkaji semula isu-isu berkenaan kesihatan secara keseluruhannya, menjangkau inisiatif-inisiatif spesifik ini untuk memperluas akses dan meningkatkan kualiti kepada kesihatan yang baik.

PH:
Kerja dalam proses

PN:
Kaji semula

⁹ *Malaysia's Budget 2020*

25. Penyertaan Malaysia dalam rantaian nilai

Kerajaan Malaysia sentiasa menyokong dan komited terhadap Integrasi Ekonomi ASEAN dan Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP), namun prosesnya berjalan sangat perlahan di bawah kerajaan PH. Kerajaan juga telah menangguhkan ratifikasi Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans Pasifik (CPTPP) dan rundingan perdagangan dengan Kesatuan Eropah (EU) yang bermasalah disebabkan oleh perselisihan mengenai minyak sawit.

PH:
Janji tidak dilaksanakan

Walaupun kerajaan PN belum memulakan apa-apa usaha berkaitan kerana teretusnya COVID-19 dan kerajaan berada dalam keadaan tidak 'berfungsi sepenuhnya', kerajaan harus mempertimbangkan untuk memperkembangkan strategi perdagangan antarabangsa baharu untuk mengembalikan ekonomi secepat mungkin terutama untuk merangsang penyertaan dalam sektor rantaian bekalan. Memanfaatkan hubungan perdagangan kita yang ada dan membuka jalan perhubungan perdagangan baru yang berpotensi harus menjadi keutamaan.

PN:
Kaji semula

¹⁰ <https://www.theedgemarkets.com/article/many-officials-unhappy-cptpp>

¹¹ Read Brief IDEAS No.20: COVID-19 and the MCO: An Exit Strategy for Malaysia

¹² <https://www.reuters.com/article/sime-darby-plant-outlook/malaysian-palm-giant-sime-darby-warns-of-hit-to-supply-chain-amid-prolonged-pandemic-idUSL4N2CN1AR>

26. Mengasingkan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya

Kerajaan PH telah berjanji untuk memisahkan peranan Peguam Negara dan Pendakwa Raya agar konflik berkepentingan dapat dielakkan. Laporan mengenai kajian pemisahan kuasa antara Peguam Negara dan Pendakwa Raya seharusnya dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet pada pertengahan tahun lalu tetapi tiada perkembangan terkini.

PH:
Janji tidak dilaksanakan

Peguam Negara harus dilantik dari kalangan Anggota Parlimen yang berkelayakan dan beliau akan menjadi Menteri yang dapat meneruskan tugas sebagai ketua penasihat undang-undang kepada Kerajaan. Jawatan Pendakwa Raya harus dipegang oleh individu bebas yang boleh bertindak di luar kepentingan kepartian. Beliau akan memimpin Pejabat Pendakwa Raya Malaysia, menikmati autonomi untuk menggunakan kuasa pendakwaannya. Memisahkan peranan Pendakwa Raya daripada Peguam Negara adalah langkah penting untuk melindungi proses membuat keputusan pendakwaan dari pengaruh politik dan konflik berkepentingan.

PN:
Perlu diteruskan

¹³ <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/03/473150/report-separation-powers-between-g-and-public-prosecutor-ready-soon>

¹⁴ Read Policy IDEAS No.34: Separating the Attorney-General and Public Prosecutor: Enhancing Rule of Law in Malaysia

¹⁵ <https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/01/01/speed-up-separation-of-ag-public-prosecutor-functions-govt-urged/>

27. Meningkatkan ketelusan bajet

Kerajaan PH telah membuat beberapa reformasi dalam menambahbaik ketelusan bajet. Ini juga termasuk menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk Bajet yang telah bermesyuarat beberapa kali bagi menilai dan mempertimbangkan kewangan kerajaan secara mendalam. Kerajaan sebelum ini juga telah membentangkan Ulasan Perbelanjaan Pertengahan Tahun 2019 kepada jawatankuasa tersebut pada Ogos yang lalu. Selain itu, penambahbaikan penting lain yang telah dilakukan adalah pendedahan mengenai jaminan kerajaan dan liabiliti luar jangka yang terdapat di dalam Laporan Tinjauan Fiskal. Laporan Tinjauan Fiskal yang terbaru juga mempunyai bahagian bagi menilai kemampuan hutang negara. Sejak awal tahun ini, orang awam boleh mengakses kepada Akta Perbekalan yang telah diluluskan oleh Parlimen melalui laman web Perbendaharaan Malaysia. Hasil daripada penambah baikkan ini telah menyebabkan Malaysia meningkat dari segi markah ketelusan dalam *Open Budget Survey*.

PH:
Janji telah dilaksanakan

Kerajaan PN perlu mengekalkan dan memperluas usaha-usaha untuk menambahbaik ketelusan bajet termasuk menerbitkan Ulasan Pertengahan Tahun.

PN:
Perlu diteruskan

28. Pelantikan ahli-ahli lembaga syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri dan nasional

Kerajaan PH telah menyatakan komitmennya untuk memastikan pelantikan anggota lembaga pengarah GLC kerajaan persekutuan dan negeri akan dibuat berdasarkan merit dan profesionalisme dan bukan berdasarkan pengaruh politik. Namun, tiada langkah kukuh telah diambil untuk mencapainya dan sebilangan ahli politik telah menduduki jawatan tinggi dalam GLC. Selain daripada penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi melantik jawatan-jawatan utama perkhidmatan awam, pembaharuan struktur tidak dilaksanakan oleh kerajaan PH.

PH:
Janji tidak dilaksanakan

Kerajaan PN baru-baru ini telah membuat beberapa pelantikan politik, yang telah menimbulkan kebimbangan terhadap komitmen kerajaan yang baru untuk melakukan pembaharuan dalam cara GLC dijalankan. Kerajaan baharu harus menghentikan pelantikan ahli politik ke jawatan dalam GLC dan Badan Berkanun di peringkat persekutuan dan negeri sehingga ada keyakinan bahawa pelantikan boleh dibuat secara telus dan pemegang jawatan dapat dipertanggungjawabkan. Dalam jangka masa panjang, kerajaan harus melangkah lebih jauh daripada apa yang telah dilakukan oleh kerajaan PH dengan memperkenalkan perundangan berkaitan pengurusan, pentadbiran dan prestasi GLC. Undang-undang tersebut harus menyediakan pusat pendaftaran yang boleh diakses oleh orang ramai untuk mendapatkan maklumat mengenai GLC dan aktiviti mereka.

PN:
Kaji semula

29. Akta Perolehan Kerajaan

Kerajaan PH telah mengusulkan untuk memperkenalkan Akta Perolehan Kerajaan pada 2020 yang bertujuan mempromosi tadbir urus yang baik dalam pengurusan dana awam. Fungsi akta tersebut adalah untuk memperbaiki amalan perolehan kerajaan sedia ada yang ditadbir secara meluas oleh pelbagai pekeliling dan arahan dari Perbendaharaan¹⁶.

PH:
Kerja dalam proses

Kerajaan PN perlu meneruskan penggubalan akta ini untuk memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan persaingan yang adil dalam sistem perolehan awam Malaysia.

PN:
Perlu diteruskan

¹⁶ <https://themalaysianreserve.com/2019/03/12/what-to-expect-from-the-government-procurement-act/>

30. Memperkukuhkan Kuasa Negeri-negeri

Rang Undang-undang Sumber Air telah digubal dan dirancang untuk dibentangkan di Parlimen pada tahun ini bagi memberi kuasa kepada negeri-negeri untuk memperkasakan pengurusan, pengawalan dan penguatkuasaan sumber-sumber air mereka. Ianya bertepatan dengan komitmen oleh kerajaan PH untuk memperkukuh kuasa negeri-negeri dengan merangka pembahagian jelas bidang-bidang kuasa yang bersesuaian seperti kuasa untuk mentadbir pengangkutan awam, kebajikan, perkhidmatan sosial, pertanian, dan perlindungan alam sekitar¹⁷.

PH:
Janji tidak dilaksanakan

Kerajaan PN perlu mempertimbangkan untuk mengkaji semula Jadual Kesembilan di dalam Perlembagaan Persekutuan dengan bertujuan untuk membina pembahagian fungsi-fungsi dasar penting di peringkat kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri¹⁸.

PN:
Kaji semula

¹⁷ Promise 24 of the Buku Harapan

¹⁸ Read Policy IDEAS No. 59 - Reviving the Spirit of Federalism: Decentralisation Policy Options for a New Malaysia

31. Penghapusan Akta-akta yang Menindas

Kerajaan PH telah memberikan komitmen untuk memansuhkan atau menggantikan sebilangan akta-akta:

1. Akta Hasutan 1948
 - Memansuhkan dan menggantikan dengan akta yang baru, tiada perkembangan.
2. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
 - Meminda subseksyen (c) daripada Seksyen 15 (2) dan Akta ini akan dihapuskan pada tahun 2020.
3. 3.Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012
 - Seksyen 13 Akta ini telah diputuskan sebagai “tidak berpelembagaan” oleh Mahkamah Tinggi, pindaan terhadap peruntukkan di dalam Sosma akan dilakukan pada persidangan Parlimen bulan Mac tahun ini.
4. Akta Penerbitan dan Percetakan 1984
 - Ahli jawatankuasa sementara Majlis Media Malaysia telah dilantik namun tiada usaha untuk meminda akta tersebut.

PH:
Kerja dalam proses

Kerajaan PN perlu lah meneruskan usaha-usaha reformasi dan pembaharuan bagi memastikan kebebasan bersuara dan ketelusan maklumat terjamin.

PN:
Perlu diteruskan

32. Akta Tanggungjawab Fiskal

Kerajaan PH telah mencadangkan untuk membentangkan Akta Tanggungjawab Fiskal pada tahun 2021 bagi membendung perbelanjaan tidak terkawal yang boleh menyebabkan kenaikan jumlah hutang negara.

PH:
Kerja dalam proses

PN harus menerapkan dan mempercepat komitmen ini. Undang-undang ini juga harus mengatur penggunaan langkah-langkah di luar anggaran bajet, termasuk liabiliti luar jangka dan akses dana dari GLC.

PN:
Perlu diteruskan

¹⁹ <https://www.pressreader.com/malaysia/the-star-malaysia-star2/20191012/281921659804154>

33. Ratifikasi Konvensyen-konvensyen Antarabangsa

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir telah berjanji pada Debat Umum, Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-73 lalu bahawa Malaysia akan meratifikasi kesemua instrumen-instrumen PBB yang berkaitan perlindungan terhadap hak asasi manusia. Namun, kerajaan PH tidak berjaya melakukannya.

PH:
Janji tidak dilaksanakan

Kerajaan PN perlu menegaskan komitmennya kepada hak manusia dan undang-undang dalaman. Malaysia masih belum meratifikasi instrumen-instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang seperti berikut;

1. Konvensyen Antarabangsa mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD)
2. Kovenan Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik (ICCPR)
3. Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan (ICESCR)
4. Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Semua Orang daripada Kehilangan yang Dipaksa (ICPPED)
5. Konvensyen Menentang Penyeksaan dan Layanan atau Hukuman Lain yang Zalim, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah (UNCAT)
6. Kovenan Antarabangsa tentang Perlindungan Hak-hak Semua Pekerja Migran dan Ahli-ahli Keluarga Mereka (ICRMW)
7. Statut Rom, Mahkamah Jenayah Antarabangsa

PN:
Perlu diteruskan

34. Pendidikan Berkualiti untuk Orang Asli

Kerajaan PH telah memperuntukkan belanjawan tambahan bagi menambahbaik infrastruktur di komuniti-komuniti masyarakat Orang Asli termasuk sekolah-sekolah. Walaubagaimanapun, tiada bukti spesifik yang mengatakan bahawa belanjawan tersebut telah dibelanjakan dengan efektif bagi menyediakan fasiliti yang baik untuk memberikan pendidikan yang berkualiti.

PH:
Kerja dalam proses

Akses kepada pendidikan masih kurang dan kerajaan PN perlu memberi fokus dalam menyediakan akses pendidikan yang bersesuaian dengan budaya masyarakat Orang Asli. Secara asasnya, janji manifesto kerajaan yang lalu untuk Orang Asli dari segi pendidikan, infrastruktur dan pemeliharaan adat dan budaya haruslah diteruskan. Sebagai contoh, disebabkan oleh kekurangan infrastruktur komunikasi yang bersesuaian, masyarakat Orang Asli khususnya yang di luar bandar masih ramai tidak mendapat akses terhadap pembelajaran atas talian sepanjang situasi COVID-19.

PN:
Kaji semula

Penutup

Walaupun pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan telah berakhir, agenda perubahan haruslah diteruskan. Pentadbiran Perikatan Nasional mesti mengutamakan pembinaan semula kepercayaan, kedua-duanya terhadap kerajaan dan antara rakyat Malaysia. Perubahan yang dilakukan oleh PH, terutamanya dalam mengukuhkan institusi, pembiayaan politik dan anti-rasuah harus diutamakan untuk memastikan Malaysia tetap berada di landasan menuju menjadi negara yang menegakkan integriti, pemerintahan yang baik dan institusi yang kuat.



The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute based in Malaysia dedicated to promoting solutions to public policy challenges. Our vision is :

“A Malaysia that upholds the principles of liberty and justice”

Our mission at IDEAS is to improve the level of understanding and acceptance of public policies based on the principles of rule of law, limited government, free markets and individual liberty and responsibility. Our work is independent of vested interests and partisan influences. We act as an intellectual centre creating space for principles-centric and results-oriented dialogue.

We achieve this by :

- Publishing cutting-edge research
- Initiating dialogues with governments, lawmakers, businesses and civil society
 - Providing thought leadership
- Facilitating networking between like-minded individuals
- Organising educational programmes

Please support us by making a donation. You can make a contribution by cheque payable to “IDEAS Policy Research Berhad” or by transfer to our account CIMB 8008852042. We can only survive with your support.

© 2019 IDEAS. All rights reserved.

IDEAS Policy Research Berhad
The Lower Penthouse
Wisma Hang Sam, 1, Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur

www.ideas.org.my
Reg No: 1219187-V



Inspired by the Harapan Tracker, <https://harapantracker.polimeter.org/>

Selection of IDEAS' Publications (2019 - 2020)

Policy Ideas

Policy Paper No 62: SMEs' Compliance Cost in Malaysia by Adli Amirullah, Aiman Wan Alias, Sabrina Sabu (September 2019)

Policy Paper No.61: Malaysian Property Market: Affordability and the National Housing Policy by Carmelo Ferlito (June 2019)

Policy Paper No.60: Economic Impact of Granting Refugees in Malaysia the Right to Work by Laurence Todd, Adli Amirullah and Wan Ya Shin (April 2019)

Policy Paper No.59: Reviving the Spirit of Federalism: Decentralisation Policy Options for a New Malaysia by Tricia Yeoh (April 2019)

Policy Paper No.58: Improving Access to Orphan Drugs in Malaysia by Dr. Asrul Akmal Shafie (February 2019)

Brief Ideas

Brief Ideas No 21: GLIC Footprint in the Private Sector-Policy Dilemma by Lau Zheng Zhou and Zulaikha Azmi (April 2020)

Brief Ideas No 20: COVID-19 and the MCO-An Exit Strategy for Malaysia by Carmelo Ferlito (April 2020)

Brief Ideas No 19: Education during COVID-19 by Wan Ya Shin (April 2020)

Brief Ideas No 18: GLC Monitor 2019-State of Play Since GE14 by Terence Gomez, Lau Zheng Zhou and Yash Shewandas (October 2019)

Brief Ideas No 17: A Counter-Cyclical Tax Reform by Carmelo Ferlito (October 2019)

IDEAS Position Paper: Making Shared Prosperity a Reality in Budget 2020 by IDEAS Research Team (September 2019)

Reports

WHITEPAPER: Rare Diseases in Malaysia - December 2019

Projek Pantau Report Card No. 3 - December 2019

Effectiveness of State Trading Enterprises in Achieving Food Security: Case Studies from BERNAS in Malaysia and BULOG in Indonesia - November 2019

Navigating the Palm Oil Debate - October 2019

ASEAN Integration Report 2019 - September 2019

Policy IDEAS are IDEAS' regular publications that introduce and propose ideas for policy reforms based on analysis of existing policies or best practices.

Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS)
The Lower Penthouse, Wisma Hang Sam, 1, Jalan Hang Lekir 50000 Kuala Lumpur